Nama : _____ Kelas : _____

LATIHAN PERBANDINGAN SEMACAM.

Padankan perbandingan semacam yang berikut dengan ayat yang sesuai.

halus macam baldu	busuk seperti bangkai	pucat seperti mayat
riuh seperti pasar	berat seperti batu	
cantik seperti bidadari	bijak bagai pendeta	harum seperti bunga
naik seperti semut, turun seperti ribut	jernih macam cermin	

1. Kayla membantu Kayra untuk mengangkat kotak yang _____ itu.

2. Pendebat itu _____ kerana berjaya membidas hujah-hujah lawan dengan idea yang bernas.

3. Bau longkang yang _____ itu hilang setelah kerja pembersihan secara gotong-royong diadakan.

4. Wanita yang _____ itu tidak suka dipuji secara berlebih-lebihan.

5. Kain yang _____ itu dijahit oleh ibu untuk dibuat sarung bantal hiasan.

6. Rumah kami _____ setelah lantainya kami bersihkan dengan menggunakan sabun pencuci dan pewangi lantai.

LIVEWORKSHEETS

7. Air kolam itu _____ hinggakan ikan yang berenang-renang di dalamnya dapat dilihat dengan jelas.

8. Perniagaannya mengambil masa dua puluh tahun untuk maju seperti sekarang tetapi jika dia tidak berhati-hati, semuanya dapat hancur dalam sekelip mata kerana pepatah ada mengatakan,

   _____.

9. Wajahnya menjadi _____ setelah terserempak dengan sekumpulan anjing gila.

10. Suasana kelas menjadi _____ semasa aktiviti permainan teka kata itu dijalankan.

LIVEWORKSHEETS